

12/11/1998

63 ketua eksekutif sertai Abac

Abdul Halim Yusoff

SERAMAI 63 ketua eksekutif dan pemimpin organisasi korporat dari 21 negara anggota ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mengesahkan penyertaan pada Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) yang berlangsung Sabtu ini hingga 16 November.

Pengerusi Abac, Tan Sri Tajudin Ramli, akan membuat kenyataan berhubung cadangan semua peserta Abac kepada ketua ekonomi negara anggota Apec pada 17 November.

Mesyuarat Abac kali ini mengetengahkan isu mengatasi kegawatan ekonomi dan meningkatkan pelaburan di kalangan negara anggota termasuk cara terbaik menguruskan globalisasi dunia.

Sementara itu, wartawan dan media massa yang mempunyai pelbagai persoalan lanjut berhubung Abac dan Apec berpeluang mengetengahkan persoalan dan permasalahan mereka kepada dua penasihat iaitu bekas wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Rozali Ismail dan usahawan Tan Sri Lim Kok Wing.

Rozali berkata, pelbagai persoalan berhubung dasar tertentu negara mungkin sukar dijawab pengurusan tertinggi Abac, maka beliau sebagai orang bebas daripada kerajaan akan berupaya memberikan sedikit latar belakang kepada persoalan yang dibangkitkan.

"Meskipun kami (Rozali dan Lim) tidak memberikan jawapan daripada pandangan kerajaan tetapi ia cukup untuk memberikan latar belakang jelas berhubung sesuatu isu," kata Rozali sambil menjelaskan beliau hampir dengan kerajaan kerana menjadi penasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian pada pertemuan dengan media di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengerusi Bersama Abac, Dr Shafiq Sit Abdullah.

Ditanya adakah isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dakwaan Anwar berhubung teori persepakatan untuk menjatuhkan beliau turut menjadi agenda utama pada mesyuarat Abac, Rozali berkata; "Ia tidak dapat dielakkan, tetapi bukan kebimbangan utama.

"Apa yang pemimpin kita mahukan adalah mesyuarat ini mampu menghasilkan keputusan penting selaras tujuan pertemuan itu diadakan iaitu menyelesaikan isu ekonomi negara anggota Apec," katanya.

Rozali berkata, jawatankuasa Abac juga berusaha mengadakan keadaan terkawal ketika mesyuarat berlangsung daripada tunjuk perasaan gerakan reformasi penyokong Anwar, tetapi ia terserah kepada kerajaan untuk memastikan tunjuk perasaan berkenaan tidak berterusan.

Mengenai aspek keselamatan ketika persidangan Apec dan Abac berlangsung, Dr Shafiq berkata, perkara itu masih diperincikan tetapi tidak dapat dielakkan beberapa jalan ditutup ketika ia digunakan untuk persidangan itu.

Katanya, polis membuat kawalan tetapi setiap ketua negara juga membawa pasukan keselamatan sendiri.

Kira-kira 3,500 wartawan tempatan dan asing dijangka membuat liputan Apec dan Abac kali ini.

(END)